

18/08/2002

Felda patut wujud semula unit pembangunan sosial

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

SEJAK Felda ditubuhkan pada Julai 1956, agensi itu terus berkembang pesat menjadi sebuah agensi pembangunan tanah dan penempatan terbesar di negara ini. Malah, konsep rancangan pembangunan Felda adalah satu-satunya program pembangunan luar bandar yang terbesar di dunia. Kini, dengan wujudnya generasi kedua iaitu anak-anak peneroka Felda, harapan yang diletakkan kepada mereka adalah untuk menentukan hala tuju masyarakat peneroka supaya dapat bersaing dengan kemajuan dunia selain menangani masalah anak Felda yang terbabit dalam kegiatan jenayah dan dadah. Sehubungan itu, Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) buat pertama kalinya akan menganjurkan Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda pada 23 Ogos ini yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sempena perhimpunan itu, sebuah Tabung Wawasan Generasi Felda akan turut dilancarkan. Wartawan Berita Minggu WAN ESURIYANTI WAN AHMAD menemu bual pengarah projek perhimpunan itu, yang juga bendahari GWGF, Mazlan Osman. ADakah saudara bagi pihak GWGF berpuas hati dengan generasi kedua yang dilahirkan sekarang?

Secara keseluruhan, kita berpuas hati kerana Felda telah banyak melahirkan generasi kedua yang berjaya dalam bidang masing-masing sama ada dalam bidang korporat, pendidikan dan politik. Kira-kira 100,000 daripada 500,000 generasi kedua Felda berjaya dalam pendidikan dan daripada jumlah itu, 5,000 muncul sebagai jurutera, 2,000 doktor dan berpuluh-puluh ribu lagi menjadi pegawai tadbir, guru dan ahli perniagaan berjaya.

Bagaimana mahu pastikan masyarakat Felda dapat melahirkan generasi kedua yang lebih cemerlang terutama dalam menghadapi cabaran di luar tanah rancangan?

Kawasan Felda sebenarnya sudah mempunyai penempatan tersusun dan prasarana yang baik tetapi Felda juga perlu menempatkan tenaga pengajar yang berkualiti. Bukan hanya guru-guru yang dihantar sebagai "tempat buangan" atau sementara.

Dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, bagaimana dapat memastikan bahawa anak-anak peneroka dapat membuat penyesuaian kepada dasar baru ini?

Sebenarnya kita kena mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan kerana bantuan dan sokongan amat perlu diberikan kepada anak-anak Felda ini. Bagi GWGF, kami hanya dapat memberi pandangan dan sokongan moral kepada anak-anak Felda. Pada masa yang sama, GWGF juga sudah menubuhkan Tabung Wawasan Generasi Felda bagi menjaga kebajikan semua generasi Felda terutama dalam pembangunan pendidikan. Melalui tabung ini, akan diadakan program dan latihan kepada generasi kedua Felda.

Di samping itu, tabung ini juga akan memberi bantuan kewangan, biasiswa atau pinjaman kepada generasi Felda untuk melanjutkan pelajaran di dalam atau di luar negara. Ia juga akan dapat membantu bagi mengembangkan projek sosio ekonomi dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Apakah sasaran kepada tabung berkenaan?

Sejak dimulakan pada April lalu, tabung itu sudah dapat mengumpul lebih RM1 juta. Ini akan ditambah dengan kutipan dari masa ke semasa dan sumbangan tetap dari Felda sendiri serta anak-anak syarikatnya serta kalangan generasi kedua Felda yang sudah bersetuju untuk menyumbang tetap dalam tabung berkenaan.

Gejala sosial seperti sumbang mahram paling kerap berlaku di kawasan Felda. Apakah cadangan bagi usaha menanganinya?

Sebenarnya, Felda kena wujudkan semula Unit Pembangunan Sosial sebagaimana yang pernah diadakan dulu. Unit ini dulu, mengadakan kelas-kelas agama, aktiviti bagi belia dan wanita dan pelbagai program yang dapat menghindar gejala sosial berlaku di kawasan Felda.

Sekarang ini, unit itu telahpun ditutup dan tidak ada sesiapa lagi yang membuat aktiviti berkenaan selain penduduk setempat. Pada masa yang sama, masyarakat setempat dan penguat kuasa undang-undang juga perlu bertindak tegas dalam hal ini. Nilai-nilai budaya lama juga perlu dihidupkan semula seperti budaya keluarga besar dan penduduk mengambil tahu akan keadaan yang berlaku di sekeliling.

Adakah GWGF meminta Felda untuk mengadakan semula unit berkenaan?

Memang ada. GWGF juga berterima kasih kepada Pengerusi Felda yang sudi berjumpa dengan gabungan sekali sebulan. Semua isu dan masalah yang berkaitan sudah dikemukakan kepadanya tetapi kita juga faham bahawa kerajaan sudah banyak belanja dan Felda sudah berusaha untuk kepentingan peneroka.

Adakah punca kepada gejala sosial ini mempunyai kaitan dengan pengaruh dari bandar atau tempat tinggal yang tidak selesa?

Memang...kerana itu, sudah tiba masanya bagi Felda memikirkan rumah peneroka perlu yang lebih selesa seperti adakan tiga bilik dan pada masa yang sama, unit yang saya sebutkan itu juga perlu diadakan semula. Jangan hanya memberi tumpuan kepada pembangunan hasil ladang dan masalah sosial diabaikan.

Bercakap mengenai rumah yang lebih selesa, baru-baru ini Felda mengumumkan 20,000 lot rumah baru akan disediakan kepada generasi kedua. Adakah ini akan membantu menyelesaikan masalah berkaitan?

Lot itu hanya untuk generasi kedua dan bukan untuk peneroka sendiri. Sekarang masalah ini adalah masalah peneroka. Bagaimanapun, lot rumah yang diberikan itu juga adalah mahal sedangkan tanah diberi percuma oleh kerajaan negeri. Kenapa mesti mahal sehingga RM34,000? Sepatutnya, sama seperti rumah murah.

Pada masa yang sama, bagi rancangan 20,000 lot baru itu, ia hanya untuk rancangan yang masih di bawah Felda. Bagi rancangan yang sudah habis bayar, ia dibiarkan. Ini satu lagi isu yang ingin saya ketengahkan. Felda jangan biarkan terus bagi yang habis bayar kerana kawasan yang habis bayar masih di bawah Group Settelement Act (GSA).

Kesannya, ialah Felda tidak peduli lagi kawasan yang sudah habis bayar dan pejabat daerah pun mengatakan, kawasan itu itu bukan di bawah tanggungjawabnya (kerana di bawah GSA). Akhirnya, kawasan tanah ini seperti berkecuali dalam urusan pejabat daerah. Kedudukan ini harus dibetulkan supaya kalau nak tinggal rancangan Felda yang habis bayar, ia perlu diselaraskan dengan pejabat daerah supaya matlamat asal penubuhan Felda iaitu penempatan tersusun benar-benar dapat dicapai.

Mengapa peneroka Felda bagi kawasan yang sudah habis membayar hutang, tidak menguruskan sendiri tanah mereka?

Bukan mereka tidak boleh uruskan tetapi masalahnya timbul kerana, peneroka lama di bawah Felda apabila sudah keluar dari Felda, mereka boleh buat sesuka hati mereka. Macam orang baru lepas merdeka...ramai yang tak suka ikut sistem Felda. Kerana itu, ada yang memberi sewa atau jual tanah kerana mereka sudah mendapat geran. Jadi bagaimana kita nak buat pembangunan berterusan?

Biasanya anak peneroka yang berjaya, akan berhijrah dan tinggal di bandar. Bagaimana pembangunan berterusan boleh diadakan di kawasan Felda sekiranya perkara ini terus berlaku?

Tidak tepat untuk mengatakan mereka tidak pulang semula ke kampung mereka kerana sebagai contoh, keluarga Pengerusi GWGF Tan Sri Rozali Ismail yang sudah berjaya semuanya tetapi ada adik perempuannya yang masih

menguruskan ladang Felda dan bagi saya, walaupun sembilan adik beradik saya sudah berjaya tetapi saya masih berulang ke kampung untuk menguruskan tanah.

Bagaimana pula untuk memastikan 8,000 generasi kedua yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi Awam dan swasta kini akan pulang semula kepada Felda bagi menaburkan bakti kepada masyarakatnya?

Untuk perkara itu, GWGF sudah memulakan satu program yang dipanggil Sistem "Mentor Menti" iaitu setiap anak peneroka yang sudah berjaya akan menjadi idola atau membantu anak Felda yang menuntut di IPTA dan IPTS.

Seperti Tan Sri Razali Ismail yang menjadi mentor kepada generasi kedua yang menuntut di Universiti Malaya (UM) dan saya menjadi mentor kepada 200 anak Felda di Institut Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim. Jadi, ada seorang mentor bagi setiap IPTA dan IPTS. Kita membimbing mereka dan menasihati mereka, supaya mereka dapat sedar akan tanggungjawab mereka untuk berbakti semula di kampung masing-masing.

Konsep rancangan pembangunan Felda adalah satu-satunya program pembangunan luar bandar yang terbesar di dunia. Jadi bagaimana nak pastikan yang perkara ini masih lagi relevan dalam 20 tahun akan datang?

Sekiranya untuk jadi relevan, kita kena kekalkan prestasi yang ada sekarang sama ada dari segi pengeluaran ladang, pembangunan masyarakat atau perkembangan infrastruktur. Sebagai contoh, dalam pengeluaran ladang seperti kelapa sawit dan getah, anak peneroka perlu mengusahakan ladang dan menghasilkan hasil yang lebih baik.

Berkenaan Perhimpunan Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda, apakah objektif perhimpunan itu?

Perhimpunan itu akan menghimpunkan anak-anak peneroka Felda seluruh negara bagi membincangkan peranan dan hala tuju Felda serta masyarakatnya pada alaf baru. Pembentang kertas kerja adalah terdiri daripada kalangan anak peneroka yang sudah berjaya dalam bidang masing-masing. Terdapat beberapa topik yang akan dibincangkan termasuk hala tuju peneroka dan generasi kedua di alaf baru, dan pembangunan berterusan di tanah Felda dari perspektif ekonomi, pendidikan dan latihan, serta sosial.

Apakah harapan GWGF bagi perhimpunan berkenaan?

Harapan kami adalah supaya generasi kedua sedar mengenai peranan mereka untuk menyambung usaha ibu bapa iaitu peneroka Felda. Mereka perlu sedar dan tidak harus lepas tangan. Kita mahu mereka pulang semula ke kampung masing-masing. Di samping itu, cuba pastikan pembangunan berterusan di rancangan Felda dan peluang serta peranan generasi kedua dalam membantu masyarakat Felda sendiri.